

Mitos 'perjanjian' buaya di Sungai Pahang mungkin benar

oleh NORAWAZNI YUSOF 14 Disember 2022 03:40pm **Masa membaca: 4 minit**



Sungai Belat yang menjadi habitat buaya. (Gambar kecil: Mohd Shahril, Mat Sani, Mohd Zamri)

KUANTAN - Mitos berhubung perjanjian seorang pawang terkenal Pawang Kader atau nama sebenarnya Abdul Kader Awang dengan seekor buaya di Sungai Pahang sekitar tahun 1930-an dianggap satu kisah benar.

Rata-rata nelayan sungai dan pemancing udang ketika ditemui Sinar Harian memaklumkan sejak puluhan tahun mencari rezeki di sekitar Sungai Belat mahu pun Sungai Kuantan tidak pernah reptilia liar itu mengganas menyerang mereka.

Malah, reptilia itu dikatakan hanya sekadar menampakkan dirinya sama ada dari jarak jauh mahu pun dekat bagi memaklumkan kewujudannya di sungai terbabit.

Perkara itu diakui Mohd Rizan Mohamed Nor, 56, yang merupakan pencari udang galah tegar di kawasan Sungai Belat.



Mohd Rizan mengakui lebih 15 kali terserempak dengan buaya ketika memancing udang galah di Sungai Belat.

Dia yang hampir 29 tahun menyusuri sungai untuk mencari udang galah mengakui lebih 15 kali terserempak dengan buaya bersaiz besar di sungai terbabit.

Menurutnya, pernah berdepan detik cemas apabila reptilia itu dikatakan 'menumpang' kepala di atas bot yang dinaiki ketika memancing udang kira-kira lima tahun lalu.

"Saiznya agak besar dan panjang reptilia itu saya anggarkan lebih enam meter, masa kejadian ia (buaya) berada betul-betul di belakang bot.

"Ketika itu saya berasa takut namun ia tidak menunjukkan aksi mahu menyerang atau ganas. Sebaliknya selepas beberapa minit 'menumpang' ia berlalu pergi," katanya pada Rabu.

Mohd Rizan memberitahu berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui memberi keyakinan bahawa mitos perjanjian Paweng Kader bersama seekor buaya itu mungkin ada kebenarannya.



Mohd Rizan menunjukkan udang yang ditangkap di Sungai Belat.

Jelasnya, sehingga kini tiada kedengaran nelayan mahu pun pemancing ikan atau udang dibaham buaya ketika mencari rezeki di sungai negeri ini.

Dia mengakui ada mendengar kisah kebolehan Pawang Kader yang dikatakan memiliki ilmu mistik termasuk pandai mengubati gangguan makhluk halus dan berkebolehan menjinakkan haiwan berbisa serta juga pemangsa seperti buaya.

"Bila dengar ia seperti tidak masuk akal, tetapi jika mengikut cerita orang lama itulah yang berlaku. Ada satu perjanjian dibuat oleh Pawang Kader selepas seorang Orang Asli di Tasik Chini dibaham buaya dan sempat menyelamatkan diri. Pawang kader dikatakan telah memanggil buaya itu (dengan cara tertentu).

"Kemudian buaya itu pun timbul. Dikatakan, Pawang Kader hukum buaya itu. Tidak pasti jenis hukumannya yang dikenakan.

"Buaya itu mengalah dan diminta mengikat satu perjanjian, seluruh keturunan haiwan itu tidak dibenarkan membaham manusia. Untuk keadilan dalam perjanjian itu juga, manusia tidak akan membunuh buaya di negeri ini," ujarnya yang menceritakan kisah mitos yang disampaikan orang tua sejak puluhan tahun lalu.

Bagi Mohd Zamri Mohd Rafhi, 43, berkata, kewujudan reptilia itu bukanlah ancaman berikutan buaya telah wujud sejak sekian lama di Sungai Belat mahu pun Sungai Kuantan.

Jelasnya, walaupun sungai itu merupakan kawasan habitatnya, namun reptilia tersebut itu tidak pernah mengganggu penduduk.

Menurut, pelbagai saiz buaya dapat dilihat di dalam sungai itu dan ada sebahagian reptilia tersebut dianggarkan mempunyai saiz panjang tiga hingga ke empat meter.

"Lebih 10 kali saya tersempak dengan buaya di Sungai Belat tapi reptilia itu tidak pernah bertindak ganas, sebaliknya hanya sekadar menunjukkan diri dengan tenggelam timbul.

"Sepanjang saya memancing tidak pernah lagi ada kecelakaan disebabkan buaya, jadi saya percaya buaya di Pahang 'baik' disebabkan wujudnya perjanjian antara Pawang Kader dengan spesies hidupan liar itu pada zaman 1930-an dulu.

"Mungkin perjanjian itu masih dipatuhi. Malah, kita sebagai pemancing atau nelayan tidak pernah mengganggu reptilia ini bila ia (buaya) menampakkan diri di sungai, kita akan segera beredar dari tempat keberadaannya," ujarnya yang merupakan pencari udang galah di sekitar Sungai Belat dan Sungai Kuantan.

Senada dengan itu, Mohd Shahril Ishak, 42, berkata, kewujudan buaya itu tidak pernah mengusarkan nelayan setiap kali ke sungai.

"Sejak kecil lagi kami memang mengetahui kewujudan buaya di sungai ini. Jadi apabila dewasa dan menjadi nelayan, ia seolah-olah menjadi sehati dalam kehidupan kami.

"Malah, kami tidak pernah mendengar ada penduduk dibaham buaya. Berpuluh tahun kami bekerja, terlibatnya mesti muncul namun dia tidak memberi ancaman," katanya yang sudah menjadi nelayan hampir 18 tahun.

Ujarnya, menurut cerita orang-orang lama, perjanjian pawang itu dengan buaya selepas ia bertindak ganas dengan menyerang manusia puluhan tahun dahulu menyebabkan buaya dan manusia seperti tiada permusuhan.

"Buaya dewasa tidak akan ganggu nelayan menangkap ikan. Itu juga yang selalu saya pesan kepada nelayan agar melepaskan anak buaya yang tersangkut di jaring.

"Malah buaya di sini seakan-akan menghormati nelayan yang hendak ke laut apabila mereka akan melarikan diri sebaik terdengar bunyi enjin bot," ujar yang menetap di Kampung Bunut Rendang di sini.

Nelayan, Mat Sani Tahir, 62, memaklumkan banyak kisah mengenai kehadiran buaya di kawasan tangkapan ikan itu.

"Kita ingat pesanan orang dahulu supaya tidak mengganggu (buaya),jika reptilia itu menampakkan diri, segera beralih dari kawasan itu.

"Bila kita hormati keberadaannya sudah pasti tiada ancaman," jelasnya.

Sementara itu, Mohd Hasrol Naim Hashim, 29, yang merupakan pemancing udang juga sering kali berdepan dengan kelibat buaya ketika memancing.



Mohd Hasrol

Dia mengakui buaya di Pahang tidak ganas namun langkah berhati-hati perlu diutamakan ketika berada di habitat haiwan pemangsa itu.

"Ia kerana sifat semula jadi reptilia tersebut yang lazimnya akan bertindak ganas di luar jangkaan apabila berasa terancam disebabkan oleh kehadiran manusia," katanya.